

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : DALAM NEGERI

Belum sampai tahap membunuh

KUALA LUMPUR 14 Mac - Sisa kimia yang meracuni mangsa-mangsa di Pasir Gudang, Johor tidak sampai ke tahap mampu membunuh.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, daripada sudut kesihatan, mangsa-mangsa yang dirawat akibat pencemaran tersebut tidak berada dalam keadaan bahaya.

"Kita yakin boleh diuruskan dengan baik kerana pencemaran toksik itu tidak sampai ke tahap fatal, sehingga hari ini saya boleh cakap sedemikian.

"Tapi kita tak tahu apa se-

benarnya yang dibuang, kita masih lagi mengenal pasti bahan kimia tersebut selain memastikan lapan sebatian kimia itu tidak berpotensi maut," katanya dalam sidang akhbar di lobi Parlimen hari ini.

Jelas Dr. Dzulkefly, setakat ini, sejumlah 937 orang dirawat dengan 12 daripada mereka masih berada di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultan Ismail akibat pence-



DZULKEFLY AHMAD

maran tersebut.

Katanya, seramai 19 kakitangan kementerian turut menjadi mangsa ketika memberi rawatan kepada mangsa-mangsa pencemaran tersebut.

"Mereka juga manusia biasa dan bukan kebal, toksik itu dialami lapan pegawai perubatan, empat pembantu

kesihatan, tiga jururawat, seorang pemandu dan seorang pakar perubatan," katanya.